

# ‘Kerjasama antara GTA, PN berlaku amat tinggi’

**Kuala Lumpur:** Gerakan Tanah Air (GTA) akan meraih lebih banyak manfaat jika bekerjasama dengan Perikatan Nasional (PN), berbanding PN sendiri, bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), 19 November ini.

Menyifatkan kerjasama itu kemungkinan besar berlaku, pengalisis politik berpendapat, sejarah lampau membuktikan Penggerusi Penaja GTA, Tun Dr Mahathir Mohamad, boleh bekerjasama dengan musuhnya, dengan satu-satunya matlamat mendum-bangkan Barisan Nasional (BN).

Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), Azmi Hassan, berkata walaupun dibelenggu dengan kisah Langkah Sheraton, stigma tikam-menikam dan pengkhianatan, namun kedua-dua gabungan itu tidak boleh bergerak sendiri.

“Kemungkinan kerjasama ini berlaku amat tinggi kerana ia kehendak atau paksaan politik. Mereka perlukan gabungan ini.

“Saya lihat, GTA akan lebih meraih manfaat berbanding PN dalam kes ini. Walaupun statistik sokongan pengundi kepada PEJUANG (Parti Pejuang Tanah Air) begitu rendah, namun PN mampu memberi pertolongan dan manfaat kepada mereka,” katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau ditanya mengenai impak gabungan GTA dan PN, selepas Dr Mahathir yang juga Penggerusi PEJUANG, kelmarin berkata, GTA sedang menilai kemungkinan mempertimbang kerjasama dengan PN pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin, jika gabungan itu sependapat dengan GTA serta tidak terbabit dengan perkara yang bertentangan dengan dasar dan prinsipnya.

Bagaimanapun, Azmi menjangkakan, kerjasama itu tidak memberi kesan besar kepada BN dan Pakatan Harapan (PH) kerana dua gabungan itu sudah kukuh serta mempunyai penyokong mereka sendiri.

Sementara itu, pengalisis politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata sebarang kerjasama politik boleh berlaku menjelang PRU, terutama bagi parti politik yang mempunyai matlamat sama.

“Dr Mahathir pernah ‘berperang’ dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim) tapi akhirnya mereka boleh bekerjasama pada PRU14, malah Dr Mahathir diletakkan sebagai calon Perdana Menteri.

“Kerjasama boleh berlaku kerana matlamatnya untuk menjatuhkan BN. Matlamat menghalalkan cara, jadi ini mungkin satu-satunya cara menambah kekuatan GTA dan PN,” katanya.